

Nota Penyelidikan/Research Note

Membina Semula Identiti Lao di Amerika

MOHAMED YUSOFF ISMAIL

PENGENALAN

Nota penyelidikan ini diasaskan kepada satu kajian awal yang dijalankan pada akhir tahun 1993 di kalangan orang Lao di Los Angeles, Amerika Syarikat. Penyelidikan tersebut bertujuan untuk mengkaji kedudukan dan adaptasi sosial dan budaya salah satu daripada golongan minoriti etnik dari rantau Asia yang berhijrah ke Amerika Syarikat. Projek tersebut telah ditaja oleh Kementerian Pendidikan Jepun (*Mombusho*).

LATAR BELAKANG MASALAH PELARIAN LAO

Selepas pihak komunis mengambil alih kuasa di Laos daripada kerajaan diraja pro-barat pada tahun 1975, ramai rakyat Laos mula meninggalkan negara sebagai pelarian politik. Misalnya antara 1975 dan 1980 dianggarkan 300,000 orang telah meninggalkan Laos (Van Asterik 1985: 154), iaitu dalam purata 50,000 orang setahun. Sebahagian daripada pelarian tersebut berhijrah ke Amerika Syarikat setelah menunggu beberapa tahun di pusat-pusat pelarian di negara kedua, terutama sekali di Thailand. Dalam tempoh sepuluh tahun berikutnya, ramai lagi pelarian Lao berpindah ke Amerika dalam jumlah yang semakin meningkat (Gall & Gall 1993: 413). Angka pelarian Lao yang paling tinggi sekali dalam tempoh tersebut ialah pada tahun 1982 hingga 1983, iaitu masing-masingnya 36,258 dan 23,662. Perpindahan mereka ke Amerika Syarikat telah dipermudahkan lagi dengan adanya beberapa kelonggaran dalam dasar dan undang-undang imigresen Amerika bermula tahun 1965 (Bliatout 1979b).

Pada peringkat awal penghijrahan ke Amerika, hampir semua pelarian Lao terdiri daripada pegawai tentera dan pegawai awam berpangkat tinggi. Tetapi apabila keadaan di Laos bertambah buruk, penduduk awam daripada kelas bawahan juga mula meninggalkan Laos secara beramai-ramai. Sehingga hari ini, profil penduduk Lao di Amerika meliputi satu spektrum yang terdiri daripada mereka yang berasal daripada berbagai-bagai jenis latar belakang sosial dan ekonomi, umur dan pekerjaan (Jadual 1).

Daripada Jadual dapat dilihat bahawa daripada sejumlah 9,950 orang pelarian Lao dalam tahun 1991, seramai 8,516 orang telah dikategorikan sebagai yang tidak mempunyai sebarang pekerjaan. Sebenarnya sebahagian besar daripada

JADUAL 1. Pelarian Lao mengikut pekerjaan, 1991

Pekerjaan	
Profesional, pekerjaan khas dan teknikal	57
Eksekutif, pentadbiran dan pengurusan	3
Jualan dan pemasaran	8
Khidmat sokongan pentadbiran	25
Pertukangan, pengeluaran barangan kemahiran, membaiki peralatan dan mesin	150
Pekerja kilang dan buruh	784
Pekerja ladang, pekerja hutan dan nelayan	111
Perkhidmatan pakaian seragam	296
Tiada pekerjaan yang dilaporkan	8,516
Jumlah	9,950

Sumber: Gall & Gall (1993: 420).

mereka di bawah kategori ini terdiri daripada ahli keluarga tanggungan ketua isi rumah, seperti wanita, kanak-kanak dan orang-orang tua. Di samping itu kebanyakan mereka yang menjadi pelarian dalam tempoh yang terkemudian tidak mempunyai sebarang kemahiran kerja berbanding dengan mereka yang berhijrah lebih awal. Bahkan sebahagian besar pelarian Lao yang datang kemudian terpaksa memulakan hidup dalam keadaan yang serba daif. Selain itu terdapat juga sejumlah pelajar Lao yang telah lama berada di Amerika. Mereka memilih untuk terus tinggal di Amerika selepas kejatuhan Laos ke tangan komunis, dan seterusnya memohon untuk mendapatkan status pelarian.

BUDAYALAO DIAMERIKA

Satu perkara yang agak menarik tentang proses penghijrahan ini ialah wujudnya sifat saling membantu di antara pendatang lama dengan pendatang baru. Pelarian Lao yang tiba lebih awal dan yang telah berjaya bertapak di Amerika berusaha keras untuk membantu pendatang baru dengan memberikan mereka perlindungan serta menolong mereka mencari kerja. Ternyata bahawa konsep *patron-client* telah dihidupkan semula sama seperti yang terdapat di Laos, dan digunakan sepenuhnya bagi tujuan meringankan masalah adaptasi yang dihadapi oleh pendatang baru.

Dalam usaha untuk membangunkan semula budaya Lao di perantauan, masyarakat pelarian Lao telah menggembelngkan semula beberapa kekuatan yang terdapat pada institusi sosial dan budaya mereka. Salah satu daripada

institusi tersebut ialah agama Buddha Theravada yang dilambangkan oleh biara dan bikhu. Selain itu pelarian Lao terus melahirkan semula nilai-nilai budaya yang mereka amalkan semasa di Laos. Nilai-nilai tersebut termasuklah hubungan *patron-client* di antara kelas atasan dan bawahan. Selain itu lambang-lambang kebangsaan Laos serta tarikh penting dalam sejarah Laos menjadi fokus dalam upacara bermusim yang disambut secara beramai-ramai. Selain daripada biara, akhbar juga memainkan peranan dalam pemupukan semula nilai-nilai tradisional Lao.

KEPENTINGAN BIARA BAGI ORANG LAO DI AMERIKA

Hampir semua pelarian Lao menganut agama Buddha. Bahkan bagi orang Lao, Buddhisme Theravada juga menjadi sebahagian daripada petunjuk penting kepada identiti etnik mereka. Mungkin kerana sebab inilah maka penubuhan biara diberikan keutamaan sebaik sahaja pendatang Lao mula menetap di sesuatu kawasan. Fungsi biara bersifat integratif dalam erti kata bahawa melalui biaralah pelarian yang berselerak itu dapat dikumpulkan di bawah satu *congregation* atau ummah.

Keperluan kepada satu fokus seperti ini bertambah meruncing lagi dalam persekitaran sosial yang baru di Amerika. Sebagai satu komuniti pelarian, biaralah satu-satunya institusi kemasyarakatan yang dapat memberikan makna baru kepada identiti etnik orang Lao. Dalam hal ini fungsi biara mungkin melebihi fungsi klasik seperti yang dicadangkan oleh Emile Durkheim, iaitu sebagai simbol kepada komuniti itu sendiri – sesuatu yang melambangkan nilai dan norma kesepaduan kumpulan, yang sentiasa diberi makna dan pewajaran sosial, terutama sekali sewaktu berlangsungnya kegiatan ritus dan keupacaraan beramai-ramai (*collective ceremonies*) (Durkheim 1976).

Penubuhan biara dirancang dan digerakkan oleh satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada pemimpin komuniti yang terdiri daripada golongan kelas atasan Lao (bekas pegawai tinggi kerajaan dan pegawai tentera misalnya). Jawatankuasa inilah yang bertanggungjawab mengundang bikhu dari tempat lain untuk memenuhi jawatan di biara berkenaan. Pembiayaan dan saraan biara disumbangkan bukan sahaja oleh penduduk Lao tempatan tetapi juga oleh pelarian Lao yang tinggal di tempat-tempat lain di Amerika.

Selain itu ada juga orang perseorangan yang menjadi penaja kepada bikhu pelarian dan bikhu yang dibawa masuk secara langsung dari Laos. Mereka kemudiannya akan menubuhkan biara sementara dalam apartmen atau rumah kediaman persendirian. Beberapa buah biara sementara seperti ini pernah wujud, tetapi kebanyakannya ditutup selepas bikhu tersebut berpindah ke tempat lain.

Upacara keagamaan juga dilakukan di rumah orang persendirian, terutama sekali pada hari Sabtu dan Ahad. Pada hujung minggu, kebanyakan bikhu diundang untuk mengendalikan upacara ‘membuat pahala’ yang dipanggil *bun*

reun. Upacara *bun reun* melibatkan bukan sahaja ahli keluarga tuan rumah yang menjadi penganjur, tetapi juga keluarga lain yang dijemput untuk menyertainya.

Terdapat juga upacara yang dilakukan secara besar-besaran, seperti pentahbisan (*upasampada*) misalnya. Upacara seperti ini memerlukan kehadiran bilangan bikhu yang lebih ramai. Justeru itu upacara tersebut diadakan di biara lain yang lebih besar yang mempunyai bilangan bikhu yang mencukupi. Salah satu daripada biara tersebut ialah biara di Hollywood Utara yang dikendalikan oleh masyarakat Thai.

Dalam usaha untuk mengukuhkan lagi perkembangan budaya Lao di Amerika, sebuah pusat kebudayaan Lao telah dibangunkan di Fresno, sebuah bandar di sebelah utara Los Angeles yang mempunyai bilangan penduduk Lao yang paling ramai. Pusat tersebut 20 ekar luasnya dan mempunyai pelbagai kemudahan, termasuk sebuah biara yang dijangka akan memenuhi keperluan komuniti Lao di bahagian pantai barat Amerika. Selain itu terdapat perpustakaan, dewan ibadat, tempat penginapan bikhu, dewan syarahan dan juga kemudahan untuk menyempurnakan pembakaran mayat.

ADAPTASI DAN PENGEKALAN CIRI BUDAYA LAO

Biara yang terdapat di sekitar Los Angeles dan kompleks budaya Lao yang dibina di Fresno melambangkan usaha gigih pelarian Lao untuk membangunkan semula budaya mereka melalui institusi keagamaan. Selain daripada kegiatan kebiaraan, usaha untuk menghidupkan semula budaya Lao dapat dilihat pada kegigihan mereka untuk merujuk kepada simbol-simbol yang menonjolkan kegemilangan negara Laos zaman silam melalui beberapa ritis pengabsahan (*legitimation rites*) yang diadakan secara bermusim. Salah satu daripada ritis pengabsahan itu ialah perayaan tradisional Laos yang dikenali sebagai *bun that luang*. Perayaan tersebut bertujuan menyemarakkan semula semangat kebangsaan orang Lao dengan menggabungkan dua elemen penting dalam budaya Lao – agama Buddha dan raja.

Perayaan *bunthat luang* pada mulanya adalah satu perayaan bagi mengingati sebuah struktur kudus, iaitu sebuah *chedi* atau stupa yang dibina oleh seorang raja Laos zaman silam sebagai membuktikan naungan dan sokongan baginda kepada agama Buddha. Stupa yang dinamakan *phra that luang* itu akhirnya telah menjadi satu simbol kebangsaan dan objek kudus bagi orang Lao – kehadiran gambar atau replikanya sudah cukup kuat untuk menaikkan semula semangat dan sentimen kebangsaan kerana kaitan stupa itu dengan mitos kejadian (*creation myth*) dan asal usul orang Lao serta legitimasi sosial dan budaya mereka (Somboon 1993: 79).

Pada hakikatnya perayaan *bunthatluang* itu adalah satu bentuk pengucapan semula elemen yang menjadi tonggak dan intipati kepada budaya Lao. Sambutan perayaan dalam persekitaran biara pula mengingatkan kita bahawa kawasan

biaralah yang menjadi satu-satunya ruang fizikal bagi masyarakat Lao mengadakan upacara yang eksklusif sebagai satu golongan etnik.

Sebagai usaha untuk memelihara budaya mereka, penduduk Lao menunjukkan kesepaduan dengan membentuk satu komuniti yang menghayati perlakuan budaya Lao. Mereka membina dan mengekalkan sempadan budaya melalui penggunaan elemen-elemen budaya Lao seperti bahasa, makanan dan pakaian. Pengucapan semula budaya Lao ini berlaku setiap kali orang Lao berkumpul beramai-ramai dalam konteks keagamaan dan perayaan bermusim di biara. Pada umumnya, pada waktu-waktu tersebutlah pelarian Lao dapat menunjukkan kesepaduan komuniti mereka dalam hubungan dengan komuniti lain, termasuk komuniti Amerika kulit putih yang lebih dominan. Perlakuan demikian memberikan mereka keyakinan untuk menilai semula kekuatan mereka dan membantu dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran Amerika yang baru.

Satu kajian yang dilakukan di New York menunjukkan bahawa pelarian Lao berusaha mengekalkan beberapa ciri dan nilai budaya mereka dalam kehidupan mereka seharian. Misalnya dalam memilih tempat tinggal, mereka cuba untuk tinggal berdekatan dengan kaum keluarga dan sahabat yang berasal dari tempat yang sama di Laos. Di samping itu pula hubungan kekerabatan dalam bentuk keluarga luas (*extended family*) menjadi asas kepada jalinan hubungan sosial yang lain. Orang-orang dari kelas atasan akan terus menjadi pemimpin komuniti di Amerika dalam konteks hubungan *patron-client*, sama seperti peranan yang mereka mainkan sewaktu di Laos sebelumnya (Van Estrik 1985: 156).

Beberapa kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa orang Lao di Amerika sebenarnya tidak menghadapi banyak masalah dalam menyesuaikan diri di tempat baru. Ciri-ciri budaya mereka yang agak kukuh membolehkan mereka wujud sebagai satu golongan etnik. Dengan demikian mereka mempunyai kekuatan untuk melawan balik tarikan untuk diserap ke dalam kumpulan etnik lain yang lebih dominan. Sifat mereka yang saling membantu membolehkan mereka bergerak sebagai satu kumpulan yang bersepadu. Oleh kerana mereka lebih suka tinggal berdekatan dengan satu sama lain, mereka sebenarnya menjadi penduduk yang dominan dalam sesuatu kawasan.

Mengikuti satu kajian yang dilakukan oleh Blanchard (1991) di Murfreesborough, Tennessee, pelarian Lao sebenarnya telah berjaya mengekalkan identiti mereka sebagai satu golongan yang jitu walaupun mereka dikelilingi oleh masyarakat kulit putih yang lebih dominan. Salah satu daripada faktornya ialah sifat mereka yang mementingkan kesepaduan etnik. Mengikuti Blanchard (1991: 73),

... by re-inventing and brokering Lao culture, consciously and unconsciously, they have developed a notion of themselves that appear to minimize interethnic conflict and maximize economic opportunity (e.g. education, jobs). As a result, Murfreesboro Lao culture has taken on a distinctive character that is related but not identical to traditional models of lowland Lao culture. In general, it presents an image of people that are amiable, hardworking, tolerant, devoutly Buddhist, family centred, thrifty, hungry for knowledge,

non-threatening, and extremely mobile. The image is one that Murfreesboro natives seem to be buying and one that appears to be working.

SURAT KHABAR BAHASA LAO

Selain daripada biara, surat khabar juga memainkan peranan penting dalam membangunkan semula budaya mereka. Terdapat beberapa buah surat khabar yang diterbitkan di Amerika dan disebarikan secara meluas di kalangan penduduk Lao. Antara yang popular ialah *The Lao Times* yang diterbitkan di Texas setiap dua minggu tetapi diedarkan juga di Jerman, Perancis dan Kanada. Akhbar lain termasuklah *Sieng Pasathipatay (Suara Demokrasi Laos)* yang diterbitkan setiap bulan di San Diego, dan *Lao Seridham* yang diterbitkan dua bulan sekali di Sacramento. Selain itu terdapat juga beberapa buah majalah bulanan, yang popular ialah *Dara Sinla Pi (Lao Newstar Monthly Magazine)*.

Isi kandungan akhbar dan majalah dalam bahasa Lao meliputi berita tentang komuniti Lao di Amerika, berita dari negara Laos, juga artikel berkenaan dengan agama Buddha. Terdapat juga ruangan khas yang memberi penerangan tentang cara hidup di Amerika, seperti kepentingan perayaan Krismas, *halloween* dan *thanksgiving*. Artikel-artikel seperti ini sedikit sebanyak membantu masyarakat pelarian Lao memahami budaya Amerika.

Satu perkara lagi yang menarik tentang surat khabar bahasa Lao dapat dilihat pada halaman iklannya. Ruangan tersebut dipenuhi dengan iklan berkenaan dengan berbagai-bagai jenis perniagaan oleh usahawan Lao. Liputan iklan tersebut agak menyeluruh – khidmat guaman, klinik pergigian, perubatan tradisional, salon kecantikan, ejen pelancongan, pasar raya, kedai barang kemas, insuran nyawa, restoran, khidmat video dan rakaman, jual beli dan pembaikan kereta, institusi kewangan dan pinjaman, syarikat perumahan, pengurusan harta, kelas tuisyen, penjualan komputer dan sebagainya. Jelaslah bahawa masyarakat Lao telah berjaya mewujudkan satu sistem ekonomi selari yang mengkhusus kepada memenuhi kehendak golongan etnik Lao.

PENUTUP

Ternyata bahawa institusi biara dan kebikhuan memainkan peranan utama dalam membangunkan semula budaya dan identiti etnik pelarian Lao di Amerika. Melalui penyertaan dalam ritus kebiaraan dan ritus yang diadakan di rumah orang perseorangan, kesepaduan masyarakat Lao dapat dipupuk kembali. Penyertaan tersebut bukan sahaja penting bagi memenuhi tuntutan agama, tetapi juga untuk menghidupkan jaringan hubungan sosial di kalangan pelarian Lao.

Akhir sekali dapatlah dikatakan bahawa walaupun orang Lao terpaksa membuat beberapa penyesuaian kepada keadaan baru di Amerika, mereka telah berjaya mengekalkan identiti etnik mereka dengan menggembelngkan beberapa

kekuatan yang terdapat pada budaya dan nilai tradisional masyarakat Lao. Kekuatan tersebut berkait rapat dengan beberapa institusi sosial Lao yang penting seperti biara dan bikhu, sistem *patron-client* dan kepimpinan tradisional.

RUJUKAN

- Blanchard, Kendall. 1991. Sport, leisure, and identity: Reinventing Lao culture in middle Tennessee. *Play and Culture* 4(2): 169-184.
- Bliatout, Bruce Thowpaou. 1979a. *Problems of acculturation of the Hmong in Hawaii*. (Pamphlet). Honolulu: Refugees of Indo-China Culture Education, Institute of Behavioral Sciences, Feb. 1979.
- Bliatout, Bruce Thowpaou. 1979b. *Problems of acculturation of the Laotians in Hawaii*. (Pamphlet). Honolulu: Refugees of Indo-China Culture Education, Institute of Behavioral Sciences, Feb. 1979.
- Dunnigan, Timothy & Olney, Douglas P. 1985. Hmong. Dlm. *Refugees in the United States: A reference handbook*, disunting oleh David W. Haines. Westport, CN: Greenwood Press.
- Durkheim, Emile. 1976. *The elementary forms of the religious life*. London: Allen and Unwin.
- Gall, Susan B. & Gall, Timothy L. 1993. *Statistical record of Asian Americans*. Detroit: Gale Research Inc.
- Hein, Jeremy. 1988. State incorporation of migrants and the reproduction of a middle man minority among Indochinese refugees. *The Sociological Quarterly* 29(3): 63-478.
- Maxwell, Carol J.C. 1989. White like them: Asian refugees in a white Christian congregation. *City and Society* 3(2): 153-64.
- Pyong Gap Min. 1991. Cultural and economic boundaries of Korean ethnicity: A comparative analysis. *Ethnic and Racial Studies* 14(2): 225-41.
- Razin, Eran. 1988. Entrepreneurship among foreign immigrants in the Los Angeles and San Francisco metropolitan regions. *Urban Geography* 9(3): 283-301.
- Somboon Suksamran. 1993. *Buddhism and political legitimacy*. Chulalongkorn University Research Report Series No. 2. Bangkok: Chulalongkorn University.
- Van Esterik, John L. 1985. Lao. Dlm. *Refugees in the United States: A reference handbook*, disunting oleh David W. Haines. Westport, CN: Greenwood Press.
- Van Esterik, Penny. 1992. *Taking refuge: Lao Buddhists in North America*. Temple: Arizona State University.

Mohamed Yusoff Ismail
 Jabatan Antropologi dan Sosiologi
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 Malaysia
 E-mail: Myis@pkrisc.cc.ukm.my

